

Headline	UUM sedia beri bantuan		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	21 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	17	ArticleSize	261 cm ²
AdValue	RM 1,436	PR Value	RM 4,307



UUM sedia beri bantuan

Sambut baik hasrat kerajaan negeri tubuh Makmal Transformasi Kedah

**MOHAMAD FAKHRI
MOHD ALI**

ALOR SETAR - Universiti Utara Malaysia (UUM) sedia membantu kerajaan negeri dalam usaha menubuhkan Makmal Transformasi Kedah bagi merangka hala tuju dan pelan tindakan untuk jangka masa panjang.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak gembira untuk membantu kerana kewujudan UUM bukan sahaja sebagai universiti tetapi memenuhi tanggungjawab sosial.

Menurutnya, bagaimanapun, UUM belum mendapat maklumat mengenai perkara itu daripada kerajaan negeri.

"Saya fikir ini satu langkah yang baik kerana sebagai negeri pertanian, Kedah perlu meneruskan peranannya mengeluarkan padi sebagai pusat bekalan beras negara. Tetapi dalam masa sama ia harus mengorak langkah menjadi sebuah negeri maju.

"Kedah masih memerlukan banyak idea dan perancangan yang baik untuk pembangunan. Jika kerajaan negeri merasakan UUM boleh menyumbang, kita sedia membantu," katanya.

Katanya, UUM juga mempunyai kepakaran untuk membantu kerajaan negeri membuat kajian, melihat agenda dan sebagainya jika diperlukan.

"Tetapi secara rasminya, UUM belum lagi diminta berbuat demikian kerana kita percaya perkara ini masih baru dan di peringkat perancangan.

"Pada saya, makmal itu memang wajar dan sangat perlu untuk disegerakan bagi membolehkan Kedah dimajukan," katanya.

Sebelum ini, Menteri Besar, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, kerajaan negeri akan menubuhkan Makmal Transformasi Kedah bagi merangka hala tuju dan pelan

tindakan jangka masa panjang untuk mentransformasikan Kedah sebagai sebuah negeri aman dan makmur.

Sementara itu, sempena majlis Santapan Malam Jubli Emas Sekolah Menengah

Sultan Abdul Halim (SMSAH), Mohamed Mustafa berkata, ia berlangsung 30 Jun ini sempena meraikan 50 tahun sekolah itu pada 7 Mei lalu.

Menurutnya, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Haminah Hamidon akan menghadiri majlis itu di Dewan Wawasan, Jitra.

Beliau yang juga Ppresiden Persatuan Alumni SMSAH berkata, warga alumni yang berminat boleh menghubungi Rosaidi Md Ali di talian 013-5000051 atau Mohd Noor Ahmad 012-2011862 untuk tempahan meja.



Dr Mohamed Mustafa (empat, kiri) bergambar dengan jawatankuasa Persatuan Alumni SMSAH.